

**PMB projek bersejarah – Najib
Utusan Online
11 April, 2012
Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR**

KUALA LUMPUR 10 April - Malaysia dan Bangladesh hari ini memeterai perjanjian persefahaman untuk kerjasama dalam projek pembinaan Jambatan Serbaguna Padma (PMB) bernilai hampir RM9 bilion di negara berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyaksikan majlis tersebut menyifatkan projek pembinaan jambatan terbesar di Bangladesh itu sebagai bersejarah dan akan meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Menjelaskan mengenai projek itu, beliau yang juga Menteri Kewangan memberitahu, kerajaan kini dalam proses mengenal pasti beberapa kontraktor tempatan yang terbukti berkemampuan untuk dilantik memajukan projek tersebut.

"Selepas ini (kerajaan) akan teruskan perbincangan dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) mengenai pinjaman.

"Akan dilangsungkan sebuah majlis pecah tanah nanti dan saya harap akan dapat hadir bersama Perdana Menteri Bangladesh," katanya kepada pemberita selepas majlis berkenaan.

Pada majlis itu, Malaysia diwakili oleh Duta Khas (Prasarana) ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S. Samy Vellu sementara Bangladesh oleh Menteri Komunikasi, Obaidul Quader.

Semasa majlis pemeteraian berkenaan, Najib bercakap melalui telefon dengan Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina mengenai projek jambatan berkenaan.

Dalam pada itu, Samy Vellu berkata, kerajaan kini memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat yang sedang melaksanakan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang namun senarai itu masih diperhalusi.

Kata beliau, pihaknya hanya akan menyediakan senarai beberapa kontraktor untuk diserahkan kepada Jawatankuasa Pemilihan Khas Jabatan Kerja Raya (JKR) yang akan membuat keputusan akhir pemilihan.

"Saya telah bertemu dengan United Engineers (Malaysia) Bhd., Malaysia Resources Corporation Bhd. (MRCB) dan kita berbincang dengan beberapa pihak yang mempunyai kemahiran berbeza untuk digabung menjadi konsortium.

"Kerajaan tidak akan terlibat dalam pembiayaan projek tersebut sebaliknya kontraktor dan konsortium dilantik perlu mempunyai keupayaan kewangan sendiri dan akan mengambil hak kutipan tol selama 35 hingga 40 tahun," katanya.

Pembinaan PMB yang meliputi empat komponen lain termasuk plaza tol sepanjang 6.15 kilometer apabila siap nanti bakal menjadi projek infrastruktur jambatan terbesar dan terpanjang di Bangladesh bagi laluan jalan raya serta rel kereta api merentasi Sungai Padma.

Ia bakal menghubungkan wilayah selatan dan barat ke bahagian lain di negara itu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi Bangladesh.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm